

Headline	Terharu terima sumbangan GIS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	62	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,836
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,508



**BERSYUKUR...**Badariah bersama suami, Muinuddin Muhamad, 26, serta anak mereka.

**SIMON...**bantu golongan memerlukan

## Terharu terima sumbangan GIS

**K**UALA LUMPUR: "Sumbangan ini ibarat semangat baru yang dicurahkan kepada saya untuk terus cecakal menghadapi dugaan malah cukup terharu dan bersyukur kepada pihak yang sudi menyumbangkan wang untuk membiayai kos perubatan anak saya," kata Badariah Rahmat, 27.

Badariah adalah ibu kepada salah seorang penerima sumbangan berjumlah RM10,000 iaitu Nur Qaisara Muinuddin, bayi berusia tiga bulan yang menderita akibat komplikasi jantung sejak lahir.

Katanya, tiada apa yang lebih menggembirakan selain daripada melihat bayi sulungnya terus sihat dan dapat meneruskan kehidupan seperti bayi lain.

"Pembedahan pertama sudah dijalankan awal bulan lalu dan dia harus men-

jalani dua lagi pembedahan pada masa akan datang.

"Walaupun rasa berat hati dan hiba, saya berdoa semoga semuanya selamat dan sangat berterima kasih kepada pihak yang menghulurkan bantuan kerana ia nyata meringankan tanggungan saya dan suami," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan sumbangan yang diadakan di Green International School (GIS), di sini, semalam.

Pengetua GIS, Simon Mann berkata, sumbangan yang diberikan adalah hasil daripada wang kutipan penjualan makanan, derma individu dan jualan barangan lain pada program amal tahunan GIS yang diadakan pada 25 November tahun lalu.

Katanya, pihaknya berjaya mengumpul RM210,000

pada program itu untuk disumbangkan kepada tujuh pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dan 12 penerima individu.

"Daripada keseluruhan jumlah itu, sebanyak RM58,000 diserahkan kepada tujuh NGO manakala RM152,000 diberikan kepada penerima individu yang layak," katanya.

Menurutnya, antara NGO yang menerima sumbangan termasuk Persatuan Impian Kanak-kanak Malaysia iaitu sebanyak RM10,000, Yayasan Kiwanis Sindrom Down (RM7,000), Taman Megah (RM10,000), Desa Amal Jireh (RM10,000), Rumah Kanak-kanak di Kuala Lumpur (Stepping Stones) (RM7,000), Rumah Penjagaan Kanak-kanak HIV dan Aids (WAKE) (RM7,000) dan Pertubuhan Bantuan Wanita (RM7,000).